

BIL	ACARA	LELAKI				PEREMPUAN			
		B10	B 12	B 15	B 19	B10	B 12	B 15	B 19
1	80 m	X	-	-	-	X	-	-	-
2	100 m	-	X	X	X	-	X	X	X
3	200 m	-	X	X	X	-	X	X	X
4	400 m	-	-	X	X	-	-	X (TERBUKA)	
5	800 m	-	-	X (TERBUKA)		-	-	X (TERBUKA)	
6	1200 m	-	X	-	-	-	X	-	-
7	1500m	-	-	X (TERBUKA)		-	-	-	-
8	L/Jauh	X	X	X	X	X	X	X (TERBUKA)	
9	L/Tinggi	-	X (0.9 m)	X (TERBUKA)		-	X (0.8 m)	-	-
10	L/Peluru	-	X 2.72 kg	X 4.0 kg	X 5.0 kg	-	X 2.72 kg	X 3.0 kg	X 4.0 kg
11	L/Cakera	-	-	X 1.0 kg	X 1.5 kg	-	-	X (TERBUKA) 1 kg	
12	R/Lembing	-	-	X 600g	X 700g	-	-	X (TERBUKA) 500g	
13	4x100m	X (TERBUKA)		X	X	X (TERBUKA)		X (TERBUKA)	
14	4X100m MIX RELAY	-	-	X (2 lelaki)		-	-	X (2 perempuan)	
JUMLAH		2	7	8	12	2	7	4	10
JUMLAH BESAR		52							

3.0 HADIAH-HADIAH

- 3.1 Acara Individu : Tempat pertama hingga ketiga.
- 3.2 Acara Berpasukan : Tempat pertama hingga ketiga dengan 4 orang peserta.
- 3.3 Olahragawan/Olahragawati : Mengikut kategori B12, B15, B19
- 3.5 Johan Keseluruhan : Sekolah menengah dan rendah
- 3.5 Sijil : Sijil Pencapaian disediakan untuk pemenang tempat pertama hingga ketiga.
Sijil Penyertaan akan disediakan secara digital.

4.0 CARA PERTANDINGAN

- 4.1 Setiap sekolah adalah dibenarkan menghantar **TIDAK LEBIH** daripada **DUA** orang **(2)** peserta bagi setiap acara individu dan **SATU (1)** pasukan bagi acara lari berganti-ganti.
- 4.2 Bilangan maksimum penyertaan seorang peserta adalah seperti berikut

KATEGORI	INDIVIDU	BERPASUKAN
19 tahun ke bawah	3	2
15 tahun ke bawah	3	2
12 tahun ke bawah	3	1
10 tahun ke bawah	1	1

5.0 KELAYAKAN PESERTA

- 5.1 Setiap murid yang didaftarkan hendaklah Warganegara Malaysia dan pemegang kad OKU.
- 5.2 Peserta-peserta Kategori 19 tahun dan 15 tahun **WAJIB** membawa Kad Pengenalan asal dan kad OKU manakala Kategori 12 & 10 tahun ke bawah **WAJIB** membawa Kad Pengenalan/MyKid/Sijil lahir asal dan kad OKU sebagai pengesahan rasmi. Surat Akuan dan Surat Sumpah **AKAN DITERIMA**.
- 5.3 Had umur peserta-peserta :
- **B19 (19 tahun dan ke bawah; lahir 2006 dan selepasnya)**
 - **B15 (15 tahun dan ke bawah; lahir 2010 dan selepasnya)**
 - **B12 (12 tahun dan ke bawah; lahir 2013 dan selepasnya)**
 - **B10 (10 tahun dan ke bawah; lahir 2015 dan selepasnya)**

- 5.4 Peserta yang berusia **lebih 12 tahun** yang masih berada di sekolah rendah **layak bertanding** dan perlu didaftarkan mewakili sekolah menengah yang menjadi *feeder-school* sahaja.
- 5.5 Seseorang peserta hanya dibenarkan menyertai pertandingan dalam satu kumpulan umur sahaja bagi satu jenis pertandingan dalam masa yang sama kecuali sesuatu ketetapan khas dilakukan. (Seperti acara terbuka yang diwartakan semua peserta dari semua peringkat umur boleh menyertai tanpa menjejaskan penyertaannya dalam kategori peringkat umurnya tetapi penyertaannya diambil kira dalam jumlah penyertaan individunya)
- 5.6 Selain daripada yang disebutkan seseorang peserta **dibenarkan** menyertai pertandingan dalam kumpulan umur yang lebih tinggi daripada kumpulan umurnya.

6.0 PENDAFTARAN PESERTA

- 6.1 Pendaftaran peserta hendaklah dibuat pada sistem pendaftaran rasmi bermula **23 April 2025 (Rabu) jam 03:00 petang** dan borang pengesahan penyertaan yang dicetak perlu disahkan oleh Pengetua/Guru Besar/Penolong Kanan sekolah masing-masing.
- 6.2 Peserta -peserta yang mengambil bahagian dalam acara lari berganti ganti sahaja juga **perlu** didaftarkan.
- 6.3 2 salinan borang pertandingan yang lengkap diisi dan disahkan hendaklah dihantar kepada **Jawatankuasa Pertandingan Olahraga Pendidikan Khas** d/a PPD Langkawi u.p Puan Nur Aidilla binti Hassan. (No tel : 017-4642365).
- 6.4 Tarikh tutup pendaftaran peserta ialah pada **30 April 2025 (Rabu) jam 11:59 malam**.
- 6.5 Pendaftaran selepas tarikh yang ditetapkan tidak akan dilayan.
- 6.6 Bayaran penyertaan setiap sekolah rendah dan menengah adalah **RM 250** (untuk enrolmen murid 10 ke bawah), **RM 300.00** (untuk enrolmen murid 20 ke bawah) **dan RM 350.00** (untuk enrolmen murid 20 ke atas). Bayaran tersebut hendaklah diserahkan kepada pihak urusetia sebelum tarikh pertandingan.
(Bayaran bagi sekolah yang tiada PPKI adalah percuma)

7.0 PENARIKAN DIRI PESERTA

- 7.1 Jika didapati seseorang peserta menarik diri tanpa sebab, atlet berkenaan tidak akan dibenarkan menyertai acara-acara seterusnya yang didaftar atas namanya.
- 7.2 Jika peserta menarik diri daripada mana-mana acara selepas mengambil bahagian dalam pusingan awal **TANPA** surat pengesahan sakit/cedera dari **Pegawai Perubatan Kejohanan** adalah dianggap sebagai menarik diri daripada semua acara seterusnya yang didaftar atas namanya.
- 7.3 Peserta yang tidak cedera dan layak memasuki pertandingan akhir tidak dibenarkan menarik diri. Sekiranya berlaku, penyertaan beliau dalam acara selanjutnya akan dibatalkan. Keputusan Pengurus Kejohanan adalah muktamad.

8.0 PENGGANTIAN DALAM ACARA BERGANTI-GANTI

- 8.1 Penggantian bagi acara lari berganti-ganti, dihadkan kepada peserta yang didaftarkan dalam borang penyertaan rasmi sahaja. Peraturan ini melibatkan pusingan awal hingga akhir.

9.0 MELAPORKAN DIRI PESERTA

- 9.1 Semua peserta hendaklah melaporkan diri **sekurang-kurangnya 30 minit** bagi acara balapan dan **45 minit** bagi acara padang, sebelum waktu acara berkenaan dijadualkan berlangsung.
- 9.2 Peserta yang lewat melaporkan diri, iaitu 15 minit sebelum acara mereka dimulakan **TIDAK AKAN DIBENARKAN** mengambil bahagian dalam acara tersebut dan akan dianggap telah menarik diri.
- 9.3 Peserta-peserta hendaklah berpakaian lengkap dan nombor-nombor mereka mesti disematkan dengan pin setiap 4 penjuru di baju lari masing-masing dihadapan dan dibelakang kecuali bagi acara lompat tinggi di mana peserta hanya pemakaian nombor dibahagian hadapan.

10.0 PROSEDUR MASUK DAN KELUAR ARENA PERTANDINGAN

- 10.1 Peserta-peserta dikehendaki berbaris apabila dibawa masuk dan keluar daripada arena pertandingan dan diiringi oleh Penyelia Peserta.
- 10.2 Bagi acara balapan, peserta yang tamat larian dikehendaki berada di lorong masing-masing berpusing ke belakang dan mengadap hakim-hakim. Berjalan semula ke tempat peserta tanpa memasuki kawasan arena pertandingan.

11.0 PENENTUAN KE PERINGKAT AKHIR

- 11.1 Daripada dua (2) separuh akhir, tiga (3) peserta pemenang bagi setiap separuh akhir dan dua (2) peserta yang mencatat masa yang terbaik layak ke akhir.
- 11.2 Sekiranya terdapat peserta yang mencatatkan masa terbaik lebih daripada bilangan yang dihadkan, maka penentuan kelayakan akan bergantung kepada kedudukan peserta. Jika berlaku seri cabutan undi akan dilakukan oleh Juri Rayuan.
- 11.3 Semua pengundian lorong untuk acara akhir semasa kejohanan akan dilakukan oleh Jawatankuasa Pertandingan dengan pengawasan Juri Rayuan.
- 11.4 Bagi acara padang, jika terdapat kurang atau cukup 8 orang peserta yang bertanding, tiga (3) percubaan / giliran akan diberikan kepada semua peserta dan 4 (empat) peserta terbaik akan layak ke pusingan akhir. Semua peserta akan diberikan tiga (3) percubaan lagi. Pemenang akan ditentukan berdasarkan catatan terbaik daripada keenam-enam percubaan tersebut.
- 11.5 Namun jika peserta melebihi 8 orang yang bertanding, tiga (3) percubaan/giliran akan diberikan kepada semua peserta dan pemenang akan ditentukan berdasarkan catatan terbaik daripada ketiga-tiga percubaan tersebut.

- 11.6 Namun begitu, syarat melayakkan diri ke akhir bagi acara balapan atau jumlah giliran percubaan bagi acara padang bagi menentukan pemenang boleh diubah secara serta-merta dan bila-bila masa semasa kejohanan oleh pihak penganjur atau pengelola berdasarkan kesesuaian peruntukan masa yang ada, masalah cuaca atau lain-lain perkara bertujuan melicinkan perjalanan kejohanan.

12.0 BANTAHAN

Segala bantahan hendaklah dibuat mengikut peraturan KOM kecuali perkara-perkara berikut:

- 12.1 Jika masalah bantahan berkenaan **kelayakan (status)** seseorang peserta tidak dapat diselesaikan dengan memuaskan sebelum pertandingan dimulakan maka peserta tersebut boleh mengambil bahagian di bawah bantahan. Perkara tersebut akan dikemukakan kepada **Juri Rayuan** kemudian.
- 12.2 Bantahan-bantahan berhubung dengan acara-acara yang sedang dijalankan, hendaklah dilakukan dengan serta-merta dan tidak lewat daripada:
- i. 15 minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara peringkat awal;
 - ii. 30 minit setelah keputusan rasmi diumumkan bagi acara-acara peringkat akhir.
- 12.3 **Sebarang bantahan** kepada Juri Rayuan mesti disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM 200.00**.

13.0 HURUF/NOMBOR PESERTA

13.1 Huruf dan nombor peserta adalah seperti berikut :

MENENGAH

SEKOLAH	NOMBOR PESERTA
SMK TUNKU PUTRA	B 001 – B 050
SMK KEDAWANG	C 051 – C 100
SMK AYER HANGAT	D 101 – D 150
SMK LANGKAWI, PULAU TUBA	G 151 – G 200
SMK KELIBANG	K 201 – K 250

RENDAH

SEKOLAH	NOMBOR PESERTA
SK LANGKAWI	H 251 – H 300
SK PADANG MATSIRAT	L 301 – L 350
SK PENGHULU AHMAD	M 351 – M 400
SK KELIBANG	P 401 – P 450
SK TEMONYONG	R 451 – R 500
SK ULU MELAKA	S 501 – S 550
SK SELAT BAGAN NYIOR	Y 551– Y 600
SK SERI LAGENDA	Z 601 – Z 650

13.2 Setiap pasukan hendaklah menyediakan nombor masing-masing.

Setiap kain berukuran 15cmx25cm.

13.3 Semua warna kain ialah warna putih. Bagi sekolah menengah, abjad warna merah dan nombor warna biru. Manakala bagi sekolah rendah pula abjad warna hitam nombor warna merah.

14.0 PENENTUAN JOHAN

14.1 Olahragawan dan olahragawati

- 14.1.1 Anugerah ini akan diberikan kepada seseorang peserta lelaki dan perempuan yang menyamai/memecah rekod KOPK daerah Langkawi.
- 14.1.2 Jika tiada rekod dicatatkan, jumlah pungutan pingat emas, pingat perak dan pingat gangsa diambil kira.

14.2 Johan keseluruhan

- 14.2.1 Johan keseluruhan Sekolah Menengah dan Sekolah Rendah akan ditentukan dengan jumlah pungutan pingat emas, perak dan gangsa yang dimenangi dalam semua kategori.
- 14.2.2 Jumlah pungutan pingat bagi acara berganti- ganti hanya akan diambil kira bagi pasukan yang menghantar atlet-atlet dari sekolahnya sahaja dan tiada atlet yang diimport dari sekolah lain bagi melengkapi pasukannya.
- 14.2.3 Pingat untuk acara terbuka akan dikira untuk penentuan Johan Keseluruhan.

15.0 HAK-HAK JAWATANKUASA PENGELOLA

- 15.1 Tiap-tiap acara akan dijalankan mengikut tarikh dan waktu seperti yang ditetapkan. Tetapi jawatankuasa pengelola dengan persetujuan **Pengerusi Teknik** berhak meminda susunan acara jika difikirkan perlu. Jika berlaku pindaan, pengurus-pengurus pasukan akan diberitahu SEGERA.
- 15.2 Jawatankuasa pertandingan berhak memutuskan sebarang perkara yang tidak dicatat dalam undang-undang KOAM, Peraturan MSSM Pendidikan Khas, atau peraturan-peraturan Kejohanan Olahraga MSS Pendidikan Khas Daerah Langkawi termasuk **TIDAK MEMBENARKAN** penyertaan murid warga asing, murid yang melebihi had umur dan murid yang tidak mempunyai kad OKU.

16.0 HAL-HAL LAIN

- 16.1 Jawatankuasa Pengelola tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan harta benda peribadi peserta dan pegawai atau kemalangan semasa pertandingan
- 16.2 Walaubagaimanapun, pihak pengelola berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memastikan keselamatan peserta dan pegawai terjamin semasa pertandingan dijalankan
- 16.3 Jawatankuasa Pengelola tidak akan bertanggungjawab atas kemalangan, kematian, kecacatan anggota, kecederaan atau kehilangan harta benda walaupun beberapa persediaan dan langkah-langkah keselamatan telah diambil oleh jawatankuasa Pengelola, semasa perjalanan pergi dan balik ke tempat penginapan, ke stadium atau *venue* pertandingan dan sebaliknya. Ia termasuklah:
- i. Semasa kejohanan dijalankan
 - ii. Di dalam dan di luar kawasan padang
 - iii. Di tempat-tempat pertandingan.

TAMAT

DIKEMASKINI APRIL 2025